



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA**

---

**Jumaat, 17 April 2020  
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK: FASA KEEMPAT PELEPASAN KARGO DI PELABUHAN  
MULAI 20 - 23 APRIL 2020**

---

Aktiviti pelepasan kargo di pelabuhan-pelabuhan utama negara diteruskan dengan pelaksanaan Fasa Keempat yang akan bermula pada hari Isnin 20 April 2020 hingga Khamis, 23 April 2020 bagi memastikan aktiviti-aktiviti di pelabuhan kekal lancar dan ruang kapasiti berada dalam keadaan sewajarnya.

Ia juga bertujuan memastikan pembekalan barangan keperluan kepada rakyat tidak terbantut sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Ketiga bermula 15 - 28 April 2020 sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam Perutusan Khas pada 10 April 2020.

Kementerian Pengangkutan Malaysia sentiasa komited dalam memantau pergerakan di pelabuhan-pelabuhan utama negara dan membuat keputusan berhubung pelepasan kargo mengikut keperluan dan perkembangan semasa.

Kerja-kerja pelepasan kargo di pelabuhan ini telah dilaksana mengikut fasa bermula 27 - 29 Mac 2020 (Fasa Pertama), 4 - 7 April 2020 (Fasa Kedua) dan 13 - 15 April 2020 (Fasa Ketiga).

Prosedur Operasi Standard (SOP) sepertimana yang digariskan sebelum ini untuk rujukan pengendali-pengendali pelabuhan berkaitan digunapakai serta diperluaskan kepada Pelabuhan Klang, Johor, Pulau Pinang,

Kuantan, Melaka, Bintulu dan Padang Besar. SOP sama turut dikongsikan kepada pelabuhan-pelabuhan yang dimiliki oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk manfaat bersama.

Sebarang aduan / pertanyaan mengenai MOT boleh e-mel ke [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my), WhatsApp ke 019-2907723 atau layari laman web khusus (microsite) di pautan <http://cccovid19.mot.gov.my/>. Juga boleh hubungi talian Hotline MOT : 1800-88-7723 (8am-8pm) atau Pusat Pengurusan Operasi Negara, Majlis Keselamatan Negara, di talian 03-88882010.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**17 APRIL 2020**

**- TAMAT -**